

Mahathir lawat negara2 Teluk

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berlepas ke Bahrain — negara pertama dalam rangka lawatan lapan hari ke negara-negara Teluk dan Jeddah.

Inilah lawatan pertama beliau ke negara-negara di luar ASEAN, semenjak menjadi Perdana Menteri.

Negara-negara teluk yang lain akan Datuk Seri Dr. Mahathir lawati ialah Emiriah Arab Bersatu dan Oman.

Datuk Seri Dr. Mahathir dan para pemimpin negara-negara itu akan berunding mengenai kerjasama dalam berbagai bidang, termasuk perdagangan, ekonomi dan agama.

Ketika di Bahrain, beliau akan mengadap Emir dan Putera Mahkota, di samping menemui pemimpin lain.

Di Emiriah Arab Bersatu pula, Perdana Menteri akan mengunjungi Presiden, melawat sebuah universiti dan berjumpa dengan pemodal dan peniaga tempatan.

Selepas itu, beliau akan melawat Oman dan berunding dengan para pemimpinnya.

Perdana Menteri kemudian akan ke Jeddah menemui para pemimpin Arab Saudi, di samping menyempurnakan umrah di Mekah.

Datuk Seri Dr. Mahathir diiringi oleh isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah.—Bernama.